



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 JLD3 (XX)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

JKKN TERUS SEMARAK SENI BUDAYA

KUALA LUMPUR, 22 Februari 2022 – Pada hari ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah mengadakan Majlis Serlahan Seni Budaya JKKN 2022, bertempat di Auditorium JKKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) serta barisan Pengurusan Tertinggi MOTAC.

Majlis yang diadakan ini bertujuan untuk melancarkan kalendar program JKKN sepanjang tahun 2022 untuk hebahan dan promosi bagi aktiviti yang telah dirancang sama ada secara fizikal atau secara dalam talian. Pelbagai program dan aktiviti seni budaya pada tahun ini telah disusun bagi merencanakan dan menyemarakkan lagi program seni budaya negara.

Selain itu, di dalam majlis tersebut juga, JKKN turut memberi penghargaan kepada rakan-rakan media yang telah banyak membantu mempromosikan program JKKN sejak tahun 2019 sehingga kini, disamping terus menyokong usaha JKKN dalam melestarikan seni budaya.

Menurut YB. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, "Dalam keadaan negara menghadapi penularan varian Omicron, JKKN sentiasa berhati-hati dan mempertimbangkan kaedah yang sesuai dalam melaksanakan program seni budaya yang telah dirancang ke arah kita bangkit semula dan memulih industri seni budaya. Adalah menjadi harapan pada tahun ini kita dapat melaksanakan program secara fizikal dengan mamatuhi SOP yang telah ditetapkan agar penularan COVID-19 dapat dibendung.

Pada tahun ini, JKKN telah merancang program-program yang menyokong kepada sektor pelancongan melalui Program Pelancongan Budaya yang akan dilaksanakan di tujuh (7) negeri iaitu Iftar@KL, Pesta Angin Timur, Hibrid (Perlis), Festival Kesenian Rakyat Kelate, (Kelantan), Festival Permainan Malaysia (Kuala Lumpur), Festival Kota Selatan (Melaka), Rhythm of Kinabalu, (Sabah), Festival Seni Hidup (Kuala Lumpur) dan

Festival Gendang Sarawak (Sarawak). Pada tahun ini, lapan (8) program ini akan dilaksanakan secara fizikal dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), manakala Pesta Angin Timur pula akan diadakan secara hibrid.

Dalam usaha memartabat dan menyemarakkan seni budaya negara, JKKN telah mensasarkan sebanyak 261 KPI yang melibatkan penganjuran sebanyak 421 aktiviti dan program seni budaya di seluruh negara yang akan dilaksanakan secara fizikal dan dalam talian (media sosial). Aktiviti dan program yang akan dilaksanakan ini secara tidak langsung dapat mendekatkan masyarakat dengan aktiviti seni budaya dalam norma baharu disamping memberi peluang penggiat seni budaya menjana pendapatan.

Dalam majlis tersebut juga, sebanyak lima belas (15) sijil penghargaan telah diberikan kepada rakan-rakan media merangkumi tiga (3) kategori iaitu media cetak, media elektronik dan media khas dalam menghargai kerjasama yang diberikan bagi mempromosikan program-program JKKN. Pengamal media telah menerima Plak dan Sijil penghargaan dari JKKN yang disampaikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri.

Bagi mendapatkan maklumat mengenai senarai program ataupun aktiviti yang dianjurkan oleh JKKN orang ramai boleh mendapatkannya di laman web rasmi JKKN iaitu www.jkkn.gov.my ataupun boleh layari *facebook* JKKN melalui pautan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

#ComingBackStronger
#KeluargaMalaysia
#BekerjaUntukRakyat

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA (MOTAC)
Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181
Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my
Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac